Soalan No :63

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 8.4.2015

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebab peratus pengambilan pelajar bukan Bumiputera telah jatuh secara mendadak pada pengambilan pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini. Nisbah palajar bukan Bumiputera hanya 15 peratus sahaja.

BPKP

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) adalah berdasarkan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Berdasarkan prinsip meritokrasi, hanya calon atau pemohon yang memperoleh markah merit tertinggi, layak dipertimbangkan dan ditawarkan tempat di IPTA, tanpa mengira kaum, agama, jantina, keturunan, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal.

Selain itu, calon atau pemohon juga mestilah memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian, kriteria-kriteria pemilihan

yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti tertakluk kepada bilangan tempat yang mampu disediakan oleh IPTA.

Berdasarkan rekod sistem permohonan secara *online* yang dimohon oleh calon untuk memasuki Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada sesi baru-baru ini, terdapat beberapa faktor yang di antaranya termasuklah:

i. Kebanyakan calon bukan Bumiputera telah memohon program kompetitif dan kritikal iaitu Perubatan, Pergigian dan Farmasi. Program-program sebegini didapati mempunyai persaingan yang amat tinggi dalam kalangan mereka yang cemerlang dan tertakluk kepada tempat yang terhad yang mampu disediakan oleh IPTA tersebut.

ii. Pihak universiti juga telah menetapkan pemilihan masuk program-program berkenaan perlu melepasi proses temuduga yang dilaksanakan oleh universiti berkenaan untuk memilih yang terbaik dan memenuhi merit yang ditetapkan.

iii. UKM juga menawarkan program-program khas untuk Bumiputera terutamanya yang beragama Islam seperti Pengajian Islam dan sebagainya menajdikan calon Bumiputera beragama Islam lebih banyak memohon dan berjaya ditawarkan.